



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KENYATAAN TAWARAN BIL.:20/2020-2

TARIKH IKLAN : 19/08/2020

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA(SSM)**, **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup Tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP / T / 72 / 2020	PERKHIDMATAN MELAKSANA, MENGURUS, MENYIAPKAN PENGUMPULAN DATA INVENTORI POKOK, PENILAIAN EKONOMI POKOK SERTA MEMASUKKAN DATA KE DALAM SISTEM ONE MAP MBIP UNTUK MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	-	KKM	210102, 210104, 210106, 221101/ 221104	80.00

2. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan mulai **19 OGOS 2020** hingga **09 SEPTEMBER 2020** semasa waktu pejabat di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai, Johor.
3. Dokumen tender boleh diperolehi mulai **19 OGOS 2020** hingga **09 SEPTEMBER 2020** di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin MBIP, dengan mengemukakan bayaran dokumentasi hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpaling (postal order)** dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai atau cek tidak boleh diterima.**
4. Dokumen tender akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor/pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor/pembekal hendaklah membawa dokumen asal **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**.
5. Kontraktor/pembekal dikehendaki menyediakan satu salinan Surat Pendaftaran **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** semasa membuat pembelian dokumen tender.

6. Petender - petender yang berminat boleh menghubungi Jabatan Landskap, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di talian 07-5555147/5148 atau emel ke Landskap@mbip.gov.my untuk sebarang pertanyaan lanjut.
7. Setiap tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2)** sampul surat berlakri (sealed).
 - Sampul surat **PERTAMA - CADANGAN KEWANGAN**
 - Sampul surat **KEDUA - CADANGAN TEKNIKAL**
8. Pada sampul surat **PERTAMA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN KEWANGAN** manakala pada sampul surat **KEDUA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN TEKNIKAL**.
9. Petender **tidak dibenarkan** meletak sebarang nama, tanda atau logo syarikat pada **CADANGAN TEKNIKAL**.
10. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan CADANGAN TEKNIKAL bolehlah dihantar bersama dengan CADANGAN KEWANGAN.
11. Kedua - kedua sampul tersebut (PERTAMA dan KEDUA) kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1)** **sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di Unit Perolehan, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai sebelum atau pada tarikh **09 SEPTEMBER 2020** jam **12.00** tengah hari

(HAJI SALEHUDDIN BIN HAJI HASSAN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri